

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HIS 402 Fiqh Al-Mu'amalat: Hubungan Sesama Makhluk

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA [5] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab TIGA [3] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. (a) Dengan merujuk kepada Maqasid al-Shari'ah beza bandingkan konsep kesejahteraan manusia menurut Islam dan humanisme sekular.
- (b) Dengan menonjolkan empat dasar tetap di dalam syariat Islam, jelaskan kesesuaian perundangan Islam pada setiap zaman dan tempat.
2. (a) Dengan mengambil kira masalah-masalah semasa di dalam sosio-ekonomi khususnya dan hubungan sesama manusia umumnya huraikan teori akhlak di dalam Islam serta perbezaannya dengan pandangan yang terdapat di dalam aliran humanisme sekular.
- (b) Berdasarkan Syariat Islam kemukakan pendapat anda terhadap masalah di bawah ini:

Hasan berhasrat mahu menggunakan wang pusaka yang berjumlah \$10,000.00 untuk membeli saham dari sebuah syarikat yang bergiat dalam pembuatan kereta di Shah Alam. Setelah membayar 5% dari harga saham yang berjumlah \$50,000.00 beliau diberi surat tanda terima oleh agen penjual saham syarikat berkenaan. Setelah seminggu harga saham syarikat itu meningkat tiga kali ganda, lalu Hasan menjualkan sahamnya itu kepada Robert Lam seorang peniaga di Kuala Lumpur.

.../2

3. Anda telah dipilih menjadi Setiausaha Persatuan Kakitangan Islam di sebuah Badan Berkakun tempat anda bertugas. Anda diberi amanah supaya menyiapkan satu memorandum yang akan diserahkan kepada pihak berkenaan bertujuan mencadangkan supaya diwujudkan Skim Pembiayaan Rumah dan Kenderaan yang sesuai dengan Syariat Islam. Tuliskan memorandum tersebut.

4. (a) Jelaskan keperluan asas manusia menurut Islam.

(b) Huraikan jaminan pemerintah terhadap rakyatnya bertujuan mewujudkan kesejahteraan ekonomi serta jelaskan sumber-sumber pembiayaannya.

5. (a) Kemukakan satu cadangan kepada sebuah institusi kewangan yang ditadbirkan oleh orang Islam supaya institusi itu melaksanakan cara-cara Mudarabah atau Qirād, Musyarakah dan Bai Bithaman Ajil, Ijārah dan Wadi'ah di dalam urusniaganya.

(b) Dengan menonjolkan masalah-masalah sosio-ekonomi masa kini, huraikan dua [2] dari Qawā'id al-Fiqhiyyah yang anda pelajari bertujuan untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

-oooOOOooo-